

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH
BIN RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH
(KUALA TERENGGANU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.03.2018

**Y.B. DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD
BAHARUDDIN SHAH [KUALA TERENGGANU]** minta **MENTERI
KEWANGAN** menyatakan apakah penglibatan terus yang dijangka
boleh diperolehi oleh pemborong-pemborong tempatan dalam Projek
ECRL-EAST Coast Rail Line nanti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur
atau *East Coast Rail Link* (ECRL) merupakan projek infrastruktur
nasional yang menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang.

Projek ini memberi manfaat yang besar kepada rakyat dan merupakan *game changer* dalam merangsang ekonomi negara terutama di Wilayah Pantai Timur. Projek ini dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia melalui syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd. Keseluruhan pembinaan Projek ECRL yang melibatkan Fasa Pertama dan Kedua dijangka dapat disiapkan sepenuhnya secara serentak pada penghujung suku kedua tahun 2024.

Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan inisiatif projek infrastruktur *Government-to-Government* (G2G) antara Kerajaan Malaysia dan Republik Rakyat China yang merupakan *game changer* dalam merangsang ekonomi negara terutama di Wilayah Pantai Timur. Pemilikan, pengurusan dan operasi projek ini dikawal sepenuhnya oleh syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL).

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan projek ECRL mampu memberi manfaat secara langsung kepada rakyat terutamanya komuniti yang tinggal berdekatan dengan jajaran projek termasuklah para usahawan industri kecil dan

sederhana serta kontraktor-kontraktor tempatan. Dari aspek sosio-ekonomi, projek nasional ini berkeupayaan membuka banyak peluang pekerjaan secara langsung dan tidak langsung kepada penduduk setempat. Dianggarkan semasa tempoh puncak projek sahaja iaitu pada tahun 2019, lebih kurang 10,000 orang pekerja tempatan bakal terlibat secara langsung dengan projek ECRL. Kerja pembinaan yang giat dijalankan di sepanjang jajaran akan turut merangsang aktiviti ekonomi dan seterusnya meningkatkan hasil pendapatan para usahawan perniagaan industri kecil dan sederhana dalam sektor pemakanan, peruncitan dan pembuatan di kawasan. Projek ini secara tidak langsung turut menggalakkan produktiviti dan memberi kesan positif dalam sektor pembinaan, perhotelan, perdagangan dan industri logistik. Selain itu, kontraktor-kontraktor serta syarikat-syarikat tempatan yang berkeelayakan turut mendapat manfaat daripada kerja-kerja sivil dalam pembinaan rel serta pembangunan koridor di sekitar jajaran projek.

Walaupun objektif utama projek ECRL adalah sebagai penambahbaikan kepada sistem perhubungan dalam negara yang lebih efisien dan meningkatkan kesalinghubungan di antara wilayah Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia, namun begitu pelaksanaan projek ECRL juga berupaya meningkatkan taraf hidup serta ekonomi rakyat Malaysia terutamanya kontraktor-kontraktor

tempatan dan usahawan industri kecil dan sederhana.

Projek ECRL merupakan pelaburan jangka panjang dan mampu memberi pulangan kepada semua pihak dan menyumbang ke arah kemakmuran ekonomi Malaysia. Selain itu, projek ini akan turut merangsang pembangunan hartanah, meningkatkan sistem perhubungan dan kesalinghubungan (interconnectivity) di antara luar bandar dan antara bandar, pengecilan jurang ekonomi di antara wilayah, pembangunan perniagaan bagi usahawan-usahawan sedia ada dan baru.

Sekian, terima kasih.